

# Belanjawan 2020 tumpu negeri miskin

Oleh **FADZIL ZAINOL**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 OKT.

**B**elanjawan 2020 dijangka memberi tumpuan kepada kawasan dan negeri yang mempunyai tahap kemiskinan yang tinggi serta kurang membangun demi mengurangkan jurang kekayaan dalam kalangan rakyat.

Perkara itu menjadi gambaran oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang Dewan Rakyat hari ini ketika menjawab beberapa persoalan mengenai kemiskinan serta nasib ekonomi orang Melayu bumiputera.

Kata Dr. Mahathir, ini memandangkan terdapat kawasan dan negeri yang mempunyai pendapatan kurang, kerana mungkin dilihat tidak meraih manfaat ekonomi sepertimana dinikmati di bandar-bandar utama.

“Kita mempunyai dana yang tidak mencukupi untuk (menjalankan) pembangunan biasa, oleh kerana itu kita perlu tentukan keutamaan kita, yang mana hendak diutamakan dan yang mana boleh dibelakangkan.

“Oleh kerana kita dapati ada kawasan dan negeri yang mempunyai pendapatan kurang, maka saya yakin dalam belanjawan akan datang ini, agihan peruntukan akan lebih tertumpu kepada kawasan di mana kemiskinan menjadi perkara yang ketara di kawasan itu,” katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, isu kandungan penuh Belan-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** menjawab soalan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

jawan 2020 akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada Jumaat ini, iaitu bajet kedua yang dibawah kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Mengenai kemiskinan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah pun memulakan kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sejak Mac lalu.

Katanya, pelaksanaan kajian itu sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan, Kementerian Kesi-

hatan serta jabatan dan agensi berkaitan.

“Strategi utama kerajaan dalam membasmi kemiskinan adalah melalui usaha meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat terutamanya dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah,” katanya.

Isu kemiskinan menjadi perhatian lebih-lebih lagi kaum bumiputera merupakan majoriti berpendapatan rendah.